



AKREDITASI JSM KUKUHKAN KREDIBILITI SKIM MAKANAN ORGANIK KKM DI PERINGKAT GLOBAL

SEPANG, 5 JUN 2026 – Jabatan Standard Malaysia (JSM), agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), hari ini menganugerahkan Akreditasi MS ISO/IEC 17065 bagi Skim Pensijilan Makanan Organik kepada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKKM, KKM).

Penganugerahan ini menandakan pencapaian penting dalam memperkukuh infrastruktur kualiti kebangsaan, sekali gus mengesahkan bahawa kompetensi, operasi dan kesaksamaan PKKM, KKM dalam mengendalikan skim pensijilan produk organik telah mencapai tanda aras antarabangsa.

Ketua Pengarah JSM, See Chee Kong, berkata akreditasi ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan sistem penilaian pematuhan di Malaysia kekal diyakini, telus dan diiktiraf di peringkat global.

“Melalui akreditasi ini, JSM mengesahkan bahawa PKKM, KKM mempunyai keupayaan teknikal yang kukuh untuk menilai produk makanan organik secara berintegriti. Ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem kawal selia kesihatan, malah memberi nilai tambah kepada sektor perdagangan dan industri makanan negara,” ujar beliau.

MS ISO/IEC 17065 merupakan standard kebangsaan yang mengguna pakai standard antarabangsa ISO/IEC 17065, bagi menggariskan kriteria ketat terhadap badan yang menjalankan pensijilan produk, proses, dan perkhidmatan. Melalui pengiktirafan di bawah International Accreditation Forum (IAF) Multilateral Recognition Arrangement (MLA), produk makanan organik Malaysia kini lebih mudah menembusi pasaran antarabangsa, selain mengurangkan halangan teknikal kepada perdagangan (Technical Barriers to Trade, TBT) serta memudahkan proses penerimaan di pasaran eksport.

Selain itu, pengiktirafan ini turut memberi keyakinan kepada pengguna tempatan untuk memilih produk produk yang dilabel dengan logo organik PKKM, KKM kerana sistem pensijilan disokong oleh rangka kerja akreditasi yang bebas, telus dan tidak berat sebelah, sekali gus menyokong aspirasi negara dalam memperkukuh jaminan makanan dan amalan lestari.



Skim Pensijilan Makanan Organik adalah berasaskan MS 1529, iaitu standard kebangsaan bagi makanan organik berasaskan tumbuhan yang menetapkan keperluan pengeluaran, pemprosesan, pelabelan dan pengendalian produk organik. Standard ini turut diselaraskan dengan rujukan serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN Standard for Organic Agriculture (ASOA), Codex Alimentarius dan International Federation of Organic Agriculture Movements (IFOAM) bagi memastikan keseragaman dan pengiktirafan di peringkat dunia.

-----TAMAT-----

JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
5 JUN 2026

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangun serta mempromosikan Malaysian Standard (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM

Telefon : 03-8008 2891

Faks : 03-8008 2901

E-mel : uks@jrm.gov.my